



Aduan perkhidmatan kesihatan dan ketidakupayaan

Disampaikan oleh Pejabat Aduan Perkhidmatan Kesihatan Dan Ketidakupayaan di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Pejabat Aduan Perkhidmatan Kesihatan Dan Ketidakupayaan, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan penyelesaian yang adil bagi aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan, ketidakupayaan dan kesihatan mental dalam komuniti Wilayah Lautan Hindi, antara lainnya:

- khidmat penilaian, pendamaian, penyelesaian melalui rundingan dan penyiasatan aduan
- pendidikan dan latihan tentang cara mencegah dan menyelesaikan aduan.

Apakah ertinya bagi saya?

Perkhidmatan penyelesaian aduan disediakan oleh Pejabat Aduan Perkhidmatan Kesihatan Dan Ketidakupayaan secara percuma, adil dan sulit. Perkhidmatan boleh digunakan melalui laman web atau telefon.

Wakil Pejabat Aduan Perkhidmatan Kesihatan Dan Ketidakupayaan melawat Wilayah Lautan Hindi setiap dua tahun untuk menjalankan pelbagai aktiviti turun ke padang bersama pihak-pihak yang terjejas. Semasa lawatan ini, kakitangan sedia membincangkan kekhuatiran dan menolong orang ramai mengisi borang aduan jika mereka mahu mengemukakan aduan.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 6551 7600 atau 1800 813 583
E-mel	mail@hadsco.wa.gov.au
Laman web	www.hadsco.wa.gov.au